

FAHAMAN

Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Dayang Salbiah binti Abdul Halim, 22 tahun adalah antara 40 orang penduduk kampung yang menyertai projek ternakan ikan hiasan sepenuh masa. Dia memulakan perusahaan ini beberapa bulan lalu. Dayang Salbiah bakal menjadi usahawan mengeluarkan ikan-ikan hiasan.

Dia telah mengendalikan 20 buah kolam konkrit dan 10 buah kolam tanah, yang di dalamnya terdapat anak-anak ikan emas yang sedang membesar.

Sebelum ini, Dayang Salbiah pernah mengikuti kursus dan latihan amali mengenai ternakan ikan hiasa. Dia tidak lagi sabar untuk melihat hasil usahanya. Ikan hiasannya akan dijual sebelum sebelum akhir tahun ini.

Dia berhasrat dapat mengeluarkan ikan hiasan sebanyak 380,000 ekor setahun. Jika dijual dengan harga pasaran seringgit seekor, sudah tentu pendapatannya kira-kira \$380,000.00 dalam setahun. Projek ternakan ikan hiasan ini di bawah program Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Dayang Salbiah menyertai projek ini dengan tujuan untuk meningkatkan taraf hidup keluarganya. Dia juga mahu menyahut hasrat kerajaan yang menggalakkan rakyat berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan.

Dayang Salbiah merancang untuk membesarkan perusahaannya dengan menambah bilangan kolam pada masa akan datang. Pada masa ini, dia sedang mencari tapak yang sesuai.

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

- a. Siapakah antara 40 orang penduduk kampung yang menyertai projek ternakan ikan hiasan sepenuh masa?
- b. Bilakah dia mula mengusahakan projek ini?

- c. Berapakah jumlah klam ikan hiasan yang dimiliki oleh Dayang Salbiah?
- d. Apakah jenis ikan hiasan yang dternaknya?
- e. Apakah jenis kursus dan latihan amali yang diikuti oleh Dayang Salbiah?
- f. Berapakah ekor ikan hiasan mahu dikeluarkannya dalam setahun?
- g. Berapakah pendapatan Dayang Salbiah jika dia menjual sebanyak 380,000 ekor ikan dengan harga seringgit seekor?
- h. Apakah program yang diikuti Dayang Salbiah dalam ternakan ikan hiasan?
- i. Mengapakah dia menceburi bidang ternakan ikan hiasan?
- j. Apakah perancangan Dayang Salbiah seterusnya?